

Jenis Akhbar : *Harian Metro*  
Tarikh : *04/06/2024*  
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 22*  
Tajuk : *ANGKASA saran NGO tubuh koperasi*

## **Angkasa saran NGO tubuh koperasi**

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) disaran untuk menubuhkan koperasi bagi memenuhi keperluan sosial dan ekonomi masyarakat yang lebih menyeluruh.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, inisiatif itu diharapkan dapat memberi faedah dan manfaat kepada anggota melalui aktiviti perniagaan yang dijalankan seterusnya menjana ekonomi koperasi.

"Sebagai langkah awal kepada usaha terbabit, koperasi boleh memainkan peranan menjalinkan kerjasama dengan NGO atau persatuan tertentu melalui pelaksanaan aktiviti berorientasikan perniagaan bagi memperkukuh ekonomi dalam komuniti setempat," katanya dalam kenyataan.

Sebagai contoh katanya, usaha Koperasi Perusahaan Tani dan Ternak Berhad (Koptani) yang berkolaborasi bersama NGO seperti Malaysia United Development Association (Mayda) dan Food Mania Events dalam penganjuran Karnival Usahawan Perpaduan 'Jom Support Lokal' di Stadium Kajang, Ahad lalu.

Beliau berkata, program ini boleh diikuti koperasi lain dalam menggerakkan ekonomi masyarakat setempat.

"Program Karnival Koptani itu dilihat menjadi platform kepada peniaga tempatan mempromosikan dan menjual produk mereka kepada komuniti setempat, di samping dapat mewujudkan jaringan kerjasama antara usahawan tempatan dengan koperasi, selaku penganjur program," katanya.

Perustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA